

BENGGKEL PEMURNIAN RPS DAN 7 PILLARS

Oleh: Azilawati Suanda

Pada 18 Disember 2008 telah berlangsung Bengkel Pemurnian RPS dan 7 Pillars bertempat di Bilik Seminar Institut Matematik Kejuruteraan, Kuala Perlis. Bengkel ini melibatkan Timbalan-timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Pusat Pengajian Kejuruteraan, dan 3 orang pensyarah (RPS) mewakili setiap pusat pengajian.

Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk menyemak kembali modul program RPS, membuat penambahbaikan terhadap modul Program RPS dan memberi pemahaman akan konsep sebenar Program Rakan Pendamping Siswa kepada pihak pengurusan pusat pengajian. Pelbagai isu yang disuarakan oleh peserta sebagai

| Hepa **18** |

langkah pihak sekretariat menilai dan membuat penambahbaikan. Di samping itu, bengkel ini juga dapat menghasilkan idea-idea yang baru bagi memantapkan program RPS.

Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, En. Razli Ahmad. Beliau juga telah memberi penerangan menyeluruh beberapa perkara berkenaan program RPS disamping menyampaikan hasrat Dato' Naib Canselor dimana Program RPS ini adalah hasil idea beliau sendiri. Oleh itu, beliau amat berharap Program ini dapat dijalankan dengan baik dan dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar UniMAP.

Bengkel yang berlangsung selama satu hari ini, telah dapat merumuskan beberapa isu dan pandangan yang akan dipanjangkan kepada Dato' Naib Canselor. Semoga Program Rakan Pendamping Siswa (RPS) akan terus maju dan menghasilkan program-program yang dapat membina pembangunan sahsiah pelajar di samping mencapai sasaran objektif.